

BAB III

BIOGRAFI BEDIUZZAMAN SAID NURSI

A. Kehidupan Awal

Dalam tahun 1877, al-Nursi dilahirkan di perkampungan Nurs, dalam daerah Hizan di Timur Turki. Daerah ini agak terpencil dan mundur dari sudut pembangunan material. Meskipun demikian, ia terkenal dengan keindahan dan ketenangan alam semula jadi, kesederhanaan dalam kehidupan warga desa.¹ Keperihatinan mereka dalam soal agama khususnya yang melibatkan aspek pendidikan dan akhlak (kerohanian).² Serif Mardin menggambarkan Hizan sebagai daerah yang “dipenuhi” sekolah.³ Secara geografis tempat kelahiran Nursi merupakan wilayah Turki yang terlindungi oleh gunung – gunung yang tinggi dengan salju abadi yang menyelimuti puncak sepanjang tahun. Di bidang ekonomi masyarakat disini bergantung kepada hasil – hasil pertanian dan hewan ternak. Penduduk di wilayah ini terbagi berbagai – bagai suku. Mayoritas adalah suku Turki, dan selebihnya adalah suku Kurdi yang tinggal di kawasan tenggara Turki. Beginilah suasana alam dan latar belakang sejarah tempat Bediuzzaman Said Nursi dilahirkan dan dibesarkan.

¹ Vahide, Sukran, *Bediuzzaman Said Nursi* (Istanbul: Sozler Publications, 1992), 3.

² Sarwat Saulat, *Said Nursi* (Pakistan: International Islamic Publishers, 1980), 3.

³ Vahide, Sukran, *Bediuzzaman Said Nursi* (Istanbul: Sozler Publications, 1992), 5.

Al-Nursi adalah anak keempat bagi pasangan Kurdi; Mirza dan Nuriyyah. Selain dari al-Nursi, anak-anak yang lain bagi pasangan ini ialah Durriyyah, Khanim, ^cAbduLlah, Muhammad, ^cAbd al-Majid dan Marjan. Menurut beberapa sumber, dipercayai nenek moyang al-Nursi berasal dari Isparta, Barat Turki. Dilahirkan dalam keluarga petani yang sederhana, namun amat mementingkan soal keberkatan dan ketakwaan, telah membentuk al-Nursi dengan perwatakan dan kepintaran yang cukup luar biasa. Sebagai contohnya, ayah al-Nursi yang lebih dikenali sebagai Sufi Mirza adalah pendukung tarekat Khalidiyyah dan amat mencintai ilmu pengetahuan.⁴ Beliau sentiasa mengikat mulut haiwan ternakannya bagi memastikan haiwan tersebut tidak meragut rumput dan tanaman ketika melintasi kawasan orang lain. Ibu al-Nursi, Nuriyyah pula, tidak pernah meninggalkan solat sunat tahajjud (melainkan ketika uzur) dan memastikan dirinya dalam keadaan berwudlu sebelum menyusukan anak-anaknya.⁵

Al-Nursi mendapat asuhan serta didikan awal dari keluarganya. Ketegasan ayahnya membentuk sifat disiplin dan istiqamah, sedangkan kelembutan dan keibuan yang ada pada Nuriyyah menanamkan sifat kasih sayang ke dalam diri al-Nursi.⁶ Al-Nursi mengakui didikan kedua orang tuanya amat mempengaruhi kehidupan beliau. Di samping itu, al-Nursi sendiri adalah

⁴ Ibid.,9.

⁵ Al-Salihi, Ihsan Qasim, *Badi^c al-Zaman Sa^cid al-Nursi Nazrah ^cAmmah ^can Hayatih wa Atharih* (Morocco: Matba^cat al-Najah al-Jadidah, 1999), 19.

⁶ Vahide, Sukran, *Bediuzzaman Said Nursi* (Istanbul: Sozler Publications,1992),3.

seorang anak yang agak istimewa. Sifat kritis dan cintakan eksplorasi sebenarnya sudah mendasari diri al-Nursi ketika masih kecil. Al-Nursi juga sering menghadiri perbincangan dan perdebatan yang berlaku antara para pelajar dan guru madrasah sama ada diadakan di rumah ataupun di madrasah-madrasah yang berhampiran.⁷

Sejak kecil Nursi telah memperlihatkan minatnya untuk menuntut ilmu pengetahuan. Ia sangat gemar menghadiri acara perbincangan ilmu para ulama yang sering diadakan di rumah ayahnya. Suasana keilmuan ini memberikan pengaruh yang besar pada jiwa dan pemikiran Nursi. Di masa kecil itu telah tampak bahwa ia seorang yang sangat cerdas dan sangat kuat kemampuan menghafalnya. Dalam masa kurang dari satu bulan ia hafal Al-Quran. Ia pun hafal sekitar 90 kitab pokok yang sangat penting dari berbagai disiplin ilmu. Ini membuatnya terkenal di kalangan ulama dan kawan-kawannya.

Al-Nursi mula merantau untuk mencari ilmu semenjak berumur sembilan tahun. Perjuangan beliau dalam menguasai ilmu pengetahuan menyebabkan beliau sering berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain. Antara tempat yang menjadi destinasi ilmu beliau ialah Tagh, Birmis, Nurshin, Arvas, Muks, Gewash dan Bayazit. Di tempat-tempat inilah al-Nursi berguru dengan beberapa orang tokoh ilmunan ketika itu. Antara mereka yang pernah berjasa membentuk

⁷ Urkhan Muhammad °Ali, *Sa'id al-Nursi Rajul al-Qadr fi Hayat Ummah* (Istanbul :Sharikat al-Nasl li al-Tiba'ah,1995),9.

keilmuan al-Nursi ialah Shaykh Muhammad Amin Afandi, Shaykh Sayyid Nur Muhammad, Shaykh Muhammad al-Jalali, Shaykh Muhammad al-Kafrawi, Shaykh ʿAbd al-Rahman, Shaykh Fahim, Mulla ʿAbduLlah, Mulla ʿAli al-Sawran dan Mulla FathuLlah.⁸

Pertama kali ia belajar di kuttab (madrasah) pimpinan Molla Mehmet Emin di Desa Thag di daerahnya pada tahun 1886. Kemudian pada tahun 1891, ia berangkat bersama seorang kawannya menuju sebuah madrasah di Bayezids, salah satu daerah di Turki Timur, di bawah bimbingan Syaikh Muhammad Jalali. Di sinilah Said Nursi mempelajari ilmu-ilmu agama dasar, karena sebelumnya ia hanya mempelajari ilmu nahwu dan sharaf. Ia belajar dengan segala kesungguhan. Selain kerana belajar di madrasah, kemampuannya banyak terasah daripada belajar sendiri serta kegigihannya mendatangi para ulama dari satu majlis ke majlis ilmu lainnya. Kecerdasannya terlihat dari kemampuannya yang cepat dalam menguasai berbagai ilmu, seperti tafsir, hadis, nahwu, ilmu kalam, fiqih, dan mantik.

Semasa masih berusia 16 tahun, beliau telah mengalahkan beberapa ulama terkemuka yang telah menjemputnya ke beberapa majlis perbahasan. Ketika itu perbahasan ialah satu amalan biasa di kalangan ulama. Mereka kemudian menggelarnya *Bediuzzaman* atau *Keunggulan Zaman*. Secara ringkasnya, ketika usianya belum mencecah dua puluh tahun, al-Nursi telahpun berjaya menguasai ilmu-ilmu tradisional. Beliau berjaya menguasai dan

⁸ Vahide, Sukran, *Bediuzzaman Said Nursi* (Istanbul: Sozler Publications, 1992), 30.

menghafal sebahagian dari kitab-kitab yang menjadi teras (*Ummahat al-Kutub*) seperti *Jam^c al-Jawami^c*, *Sharh al-Mawaqif*, *Tuhfat ah-Muhtaj fi Sharh al-Minhaj*, *al-Risalah al-Shamsiyyah*, *al-Bahjah al-Mardiyyah*, *al-Jami*, *al-Maqamat al-Haririyyah*, *Matali^c al-Anwar* dan *Mirqat al-Wusul fi ^cIlm al-Usul*. Beliau juga berjaya menghafal lebih kurang 80 buah Matan.

Beliau juga berjaya mendalami ilmu sains modern. Dengan sifat genius dan ketekunan yang ada padanya, beliau telah menguasai bidang sejarah, geografi, matematik, geologi, fizik, kimia, astronomi, falsafah dan sebagainya.⁹ Penguasaan ilmu dalam kedua-dua bidang (agama dan sains) menambahkan lagi kemantapan intelek al-Nursi dan menyerlahkan kebolehan beliau dalam setiap dialog dan perbincangan ilmiah yang diadakan. Pengalaman beliau dalam berbagai bidang pendidikan yang dilalui telah mengubah fikirannya untuk memikirkan cara menghasilkan sistem pendidikan yang bersepadu. Ketika itu dunia sedang memasuki satu zaman baru yang membawa angin erubahan di mana ilmu sains dan ilmu mantik (logik) memainkan peranan penting. Beliau berpendapat ilmu agama perlu diajar di sekolah-sekolah modern, dan sebaliknya ilmu sains moden perlu diajar di sekolah-sekolah agama.

Katanya, “Dengan cara ini, para pelajar di sekolah moden dilindungi dari kekufuran dan para pelajar di sekolah agama dilindungi dari sikap taasub”. Dalam usaha merealisasikan cita-citanya ini, beliau telah pergi ke Istanbul sebanyak dua kali. Kali pertama pada tahun 1896 dan kali keduanya pada tahun

⁹ Ibid.,32.

1907. Di sana beliau telah coba meyakinkan Sultan Abdul Hamid supaya membina sebuah universiti di Anatolia (Turki Timur) yang mengajar ilmu agama dan ilmu sains secara bersepadu. Pada masa itu, ketika cuba meyakinkan Sultan Abdul Hamid, Bediuzzaman telah menggunakan bahasa yang agak kasar sehingga menyebabkan beliau dibicarakan di mahkamah tentera. Di mahkamah tentera beliau masih menggunakan bahasa yang sama. Lantaran terkejut dengan hal ini, para hakim mahkamah tentera telah menghantarnya ke sebuah hospital sakit jiwa untuk diperiksa. Walau bagaimanapun, doktor yang memeriksanya telah mengatakan “Jika Bediuzzaman dianggap gila, maka tidak akan ada seorang pun manusia yang siuman di dalam dunia ini”. Selepas itu, Ia terus dibebaskan.

Al Nursi sering kali menjadi sasaran fitnah yang bertentangan dengan niat dan cita-citanya. Ketika berlakunya pemberontakan pada 31 Mac, 1909, Ia telah ditangkap dan dibicarakan di mahkamah tentera atas tuduhan mencetuskan kekacauan. Sebenarnya pada masa itu, beliau telah cuba menenteramkan keadaan sehingga telah berjaya pada sesuatu peringkat. Apabila mayat orang-orang yang dihukum gantung masih di tali gantung di luar tingkap mahkamah, al-Nursi telah berjaya berhujah mempertahankan diri dan akhirnya telah bebas. Seterusnya, Ia kembali ke Anatolia Timur dan melawat kawasan-kawasan terpencil untuk menerangkan kepada rakyat bahawa satu gerakan pembebasan yang sedang ditubuhkan di Turki tidak bertentangan dengan Islam. Beliau telah memberitahu mereka bahawa semua bentuk pemerintahan kuku besi adalah bertentangan

dengan undang-undang Islam. Perundangan Islam hanya akan berkembang dan menunjukkan kemuliaannya di dalam suasana yang bebas. Kemudian beliau telah mengumpulkan syarahan-syarahannya itu di dalam sebuah buku bertajuk *Perbahasan*.

Dalam waktu yang singkat, nama beliau menjadi masyhur dan akhirnya al-Nursi diberi gelaran *Badi^c al-Zaman*. Namun begitu, gelaran ini menurutnya adalah untuk adalah untuk *Rasa'il al-Nur* dan bukanlah untuk dirinya.¹⁰ Kehidupan awal al-Nursi juga banyak dipengaruhi oleh motivasi secara spiritual tokoh-tokoh sufi khususnya *Shaykh^c Abd al-Qadir al-Jilani*, *Imam al-Rabbani* dan *Imam al-Ghazali*. Ini disebabkan tasawwuf telah menjadi akar kehidupan masyarakat di Timur Turki. Guru-guru agama yang ada di situ, kebiasaannya adalah guru-guru tarekat. Rantau yang didiami oleh majoriti masyarakat Kurdi ini juga terkenal dengan pelbagai aliran tarekat. Tarekat aliran *Naqshabandiyyah*, khususnya *Khalidiyyah* dilihat amat mendominasi perkembangan pendidikan kerohanian di sini. Pada tanggal 23 Mac 1960, al-Nursi telah meninggal dunia di Hotel Ipek Palase, Urfah dan disemadikan keesokannya selepas solat Asar di Perkuburan Ulu Jami^c.¹¹ Pada 12 Julai 1960, jenazahnya telah digali dan dibawa oleh pihak tentera ke sebuah tempat rahsia di Isbartah dan dikebumikan di sana. Dipercayai tindakan ini diambil berasaskan kebimbangan kerajaan bahawa

¹⁰ *Ibid.*,25.

¹¹ *Urkhan Muhammad^c Ali, Sa'id al-Nursi Rajul al-Qadr fi Hayat Ummah* (Istanbul :Sharikat al-Nasl li al-Tiba^cah,1995) ,290.

makam ini akan menjadi pusat pertemuan dan perbincangan di kalangan pengikut-pengikut al-Nursi.¹²

B. Karier Bediuzzaman Said Nursi

Era pertama karier nursi adalah menitik beratkan pada persoalan ilmu pendidikan dan ilmu pengetahuan. pengalaman dari van mengajarkan perlu ada perubahan dalam sistem pendidikan. untuk itu ia menggunakan pendekatan baru yaitu menggabungkan ilmu agama dengan ilmu umum (modern). usaha ini untuk memantapkan pemahaman dan keintelekan pelajar. Nursi berpendirian umat islam perlu menguasai kedua bidang ini untuk bertahan dimasa mendatang. al- Nursi telah menunjukkan kepandaiannya. Ia merupakan seorang anak yang cerdas dan kritis. Ia mulai mempelajari ilmu agama dan ilmu lainnya pada usia sembilan tahun. Ia pertama kali belajar pada madrasah yang dipimpin Muhammad Afandi di Desa Thag pada 1886. Ia juga menimba ilmu dari para ulama terkenal di daerahnya. Pada 1891, ia bersama seorang temannya berangkat menuju madrasah di Bayezid, satu daerah di Turki Timur.

Di tempat itulah, Said Nursi mempelajari ilmu-ilmu agama dasar karena sebelum itu ia hanya belajar Nahwu dan Sharaf. Dalam belajar, Said Nursi menunjukkan kesungguhannya. Dalam waktu tiga bulan, Said Nursi telah membaca seluruh buku. Ia menguasai sekitar 80 kitab, di antaranya “Jam’u al-Jawami”, “Syarh al-Mawakif”, dan “Tuhfah”. Pada 1894, Said Nursi berangkat

¹² Fulya Atacan, *A Kurdish Islamist Group in Modern Turkey: Shifting Identities*, Middle Eastern Studies, 115.

menuju Kota Van atas undangan wali kotanya yang bernama Hasan Pasya. Dalam waktu yang relatif singkat, ia mampu menguasai matematika, ilmu falak, kimia, fisika, geologi, filsafat, sejarah, geografi, dan lain-lain. Berkat kecerdasan dan kemampuannya menguasai beragam ilmu pengetahuan itulah, sang pemikir agung ini dijuluki Bediuzzaman. Said Nursi tidak puas dengan sistem pendidikan yang ada di Turki Usmani. Pada 1907, ia berangkat ke Istanbul untuk menyampaikan usulan kepada pemerintah agar mendirikan Universitas Zahra yang memadukan sains dan iptek dengan agama. Sayangnya, impiannya itu tak tercapai karena keburu pecahnya Perang Dunia I dan kondisi Turki Usmani yang tidak stabil. Ketika konstitusi kedua diundangkan dalam sistem Pemerintahan Turki Usmani pada 23 Juli 1908, Said Nursi mendukung pemerintahan konstitusional.

Perhatiannya lebih difokuskan pada kegiatan orasi dan menulis makalah-makalah sebagai media untuk menjelaskan makna kebebasan dalam Islam dan pengaruh Islam dalam kehidupan politik. Pada 1911, Said Nursi berangkat ke Damaskus untuk menyampaikan khutbah di Masjid Umayyah tentang kondisi umat Muslim dan cara mengatasi masalah-masalahnya. Khutbah itu, beberapa tahun kemudian, diterbitkan dalam sebuah risalah berjudul "Hutbe-I Samiye". Sejatinya, Said Nursi mengalami transformasi spiritual yang menyebabkannya berubah dari Said Qadim ke Said Jadid. Setelah pulang ke Istanbul, Nursi diangkat menjadi anggota Darul Hikmah al-Islamiyah.

Pengangkatan itu dilakukan tanpa sepengetahuannya. Pengangkatan itu dilakukan sebagai penghargaan kepada Said Nursi. Darul Hikmah beranggotakan para ulama terkemuka. Ia pun mengalami transformasi spiritual yang menyebabkannya berubah dari Said Qadim ke Said Jadid. Ketika Inggris berhasil menduduki Istanbul pada 16 Maret 1920, ia menyelesaikan buku karangannya yang berjudul “Al-Khuthuwat as-Sittah” (Enam Langkah) yang mengkritik serangan Inggris. ia berulang kali diundang ke Ankara oleh Mustafa Kemal Ataturk. Ia lalu berangkat memenuhi undangan itu pada 1922. Said Nursi tak betah tinggal di Ankara karena kebanyakan anggota dewan tidak aktif shalat, suatu hal yang membuatnya sangat sedih. Ia pun berpidato di Majelis Nasional pada 19 Januari 1923. Ia berseru agar anggota dewan menjalankan kewajiban Islam. Said Nursi diasingkan pemerintah ke Burdur, Turki Barat, setelah terjadinya pemberontakan di Turki Timur di bawah pimpinan seorang pemimpin Tarekat Naqsyabandiah pada 1925. Padahal, Said Nursi sama sekali tak terlibat dalam pemberontakan itu. Sejak itu, ia hidup di penjara atau pengasingan selama 24 tahun.

Selama periode ini, dia mengarang kitab yang paling monumental, yakni Risalah Nur. Setelah bebas dari penjara Eskisehir, Nursi dikirim ke tempat pengasingan kedua, yaitu Kastamonu pada 1936 selama tujuh tahun. Selama tinggal di Kastamonu, ia melanjutkan penulisan Risalah Nur. Pada periode ini, Nursi selalu berkoresponden dengan para muridnya secara rahasia. Surat-suratnya disalin dan disebar ke berbagai kampung, desa, dan kota-kota sekitar

Kastamonu. Ia hanya ingin menyelamatkan iman dan Islam masyarakat Turki. Selama tinggal di Kastamonu, usai dibebaskan dari penjara Eskisehir, Nursi melanjutkan penulisan Risalah Nur.

Pada periode ini, ia selalu berkoresponden dengan para muridnya secara rahasia. Surat-suratnya disalin dan disebar ke berbagai kampung, desa, dan kota-kota sekitar Kastamonu. Aktivitas menyalin pun tumbuh dan berkembang. Di antara para murid yang aktif menyalin ini ada yang berhasil menyalin lebih dari seribu surat. Langkah tersebut akhirnya membuahkan enam ratus ribu eksemplar manuskrip Risalah Nur. Pada tahun 1943, Nursi dikirim ke Denizli untuk dipenjarakan dengan tuduhan-tuduhan yang tak masuk akal. Ia dipenjarakan karena menulis Risalah Nur. Pengadilan membentuk tim ahli untuk meneliti Risalah Nur. Hasilnya, mereka tidak menemukan unsur yang mengharuskan Nursi didakwa dengan tuduhan-tuduhan yang selama ini dialamatkan kepadanya. Pada 15 Juni 1944, ia dikeluarkan dari penjara Denizli. Namun, Nursi diharuskan menempati sebuah rumah di Kecamatan Emirdag di Afyon. Ia tinggal di Emirdag sampai 1948. Selama empat tahun, ia dikunjungi masyarakat dan muridnya. Ia berusaha menyebarkan Risalah Nur ke seluruh pelosok Turki melalui para pembacanya. Pada 23 Januari 1948, polisi menggerebek dan menggeledah rumah Nursi.

Ia bersama muridnya ditangkap dan dijebloskan ke dalam sel rutan Kota Afyon dengan alasan yang dibuat-buat dan penuh rekayasa. Selama masa pengasingan dan penjara (1926-1950), halaqah, pengajiannya, tumbuh dan

berkembang. Murid-muridnya pun aktif mempelajari Risalah Nur dan menyalin serta menyebarkan ke seluruh penjuru Turki. Ia telah berupaya untuk menyelamatkan iman di kalangan masyarakat Turki. Setelah 1950, Said Nursi memasuki periode Third Said. Ia sempat terkait dengan kemenangan Partai Demokrat pada 1950. Tetapi, keterlibatan Nursi dalam bentuk dukungan dan bimbingan kepada Partai Demokrat digambarkannya sebagai ahwan as-syarr (yang paling sedikit keburukannya di antara yang buruk). Said Nursi mendukung Partai Demokrat agar menghalangi Partai Rakyat Republik untuk tidak memerintah kembali.

Pada periode ini, Said Nursi tinggal bersama murid-murid dekatnya untuk membimbing mereka dan mengajar metode dakwah Risalah Nur. Setelah mengabdikan hidupnya untuk tetap menjaga agama Islam, Said Nursi meninggal dunia pada 1960. Akan tetapi, pemikiran dan ajarannya tetap berkembang dan diterima di seluruh penjuru dunia hingga sekarang.

C. Karya-Karya Bediuzzaman Said Nursi

Selama hidupnya Nursi menghasilkan banyak karya tulis, diantaranya terdapat pada surat kabar dan majalah – majalah seperti sebilurreshat. berikut ini adalah beberapa karya tulis Said Nursi yang telah diterbitkan karya – karya tersebut antara lain: Muhakemat ebuzzia matbaasi, 274 halaman, di terbitkan di istanbul tahun 1327 H (1911 M) satu pambukaan tentang tafsir al – quran; hutbe-I samiye (1911 – 1912); isharatul I'jaz (1918); Hutufvat-i sitte (1919), yaitu ilmu

logika; Munazarat (1919); iki musebetin sahadetnamesi (1919); sunuhat (1922); Nokta (1921); kizil P'cas (1923);Tuluat (1923); leemat (1923) mengenai bulan ramadan dan bulan syawal;Suaat (1923) mengenai sirah nabi;Hakikat Cekirdekleri (1920, 1923); zaylul zail (1922);Hubbab (1923).

Sedangkan karya terbesar Beduzzaman Said Nursi adalah Risalah al-Nur atau Rasail al-Nur adalah satu tafsiran Al-Quran yang memfokuskan kepada persoalan tentang keimanan. Risalah berkenaan menjadi bacaan orang ramai apabila al-Quran dan kitab-kitab agama diharamkan. antaranya al-Kalimat, al-Maktubat, al-Lamaat dan al-Shuáat. *Rasail an-Nur* merupakan satu karya agung Said Nursi yang terhimpun sebanyak 130 buah risalah dalam 14 jilid besar. Risalah-risalah ini dikumpulkan dalam bentuk buku-buku di bawah tajuk-tajuk seperti *Sozler, Shualer, Lemalar, Mektubaat* dan lain-lain lagi. *Rasail an-Nur* adalah nama panggilan (umum) yang diberikan untuk kesemua tajuk-tajuk ini. Ini bermaksud, setiap penulisan dan pemikiran Nursi yang tercatat digelar sebagai *Rasail an-Nur*. Kesemua tajuk-tajuk ini berjumlah enam ribu muka surat.¹³ *Rasail an-Nur* merupakan kuliah tarbiyyah Said Nursi sepenuhnya berasaskan al-Quran yang menyentuh soal keimanan. Kerana itu *Rasail an-Nur* lebih dikenali sebagai '*Kulliyatul Rasail al-Nur*'.

Sumber utamanya adalah al-Quran dan al- Hadith. Ia dikarang dan ditulis sendiri oleh Said Nursi dan adakalanya ditulis oleh anak-anak murid beliau yang kemudian disemak semula oleh beliau Penulisannya berlangsung dalam suasana

¹³ Wan Jaffree Wan Sulaiman, *Mujaddid Islam Bediuzzaman Said Nursi* (Kedah:Hizbi,1987),3.

masyarakat dan ancaman terhadap Islam yang amat getir demi menyelamatkan iman masyarakat pada ketika itu.¹⁴ Atas dasar itulah, tujuan Said Nursi menulis *Rasail an-Nur* adalah untuk menghilangkan keraguan rakyat yang berpendidikan Barat terhadap al-Quran dan agama Islam. Kesemua penulisan dalam tafsir ini pada peringkat awal ditulis dengan tulisan tangan kerana beliau dan para pelajarnya ketika itu tidak mampu menyediakan belanja percetakan, dan mereka juga tidak dilarang daripada berbuat demikian.

Tugas menulis tafsir ini dengan tangan adalah kerja merbahaya pada ketika itu Mereka yang disyaki menulis dan menyebarkan tulisan *Rasail an-Nur* ini akan dikenakan tindakan tegas, bukan sahaja dipenjara, malah diseksa dan dianiaya. Namun begitu, segala rintangan itu berjaya diharungi Nursi dengan tenang dan tabah. Beliau menghabiskan masanya di Barla dengan bertafakkur dan beribadat serta mengajar tafsiran al-Quran secara rahsia. Dalam tempoh tersebut, beliau sempat menulis satu pertiga daripada penulisan agung yang berbentuk tafsir ini yang digelar sebagai *Rasail an-Nur*. Beliau telah menghabiskan sebahagian besar masanya dengan mengarang *Rasail an-Nur* di atas sebuah pondok Chinar yang dibina oleh seorang anak muridnya. Pada peringkat awalnya, himpunan penulisan ini dinamakan '*Sozler*' (Kalimah), tetapi kemudiannya ditukar kepada '*Rasail an-Nur*'¹⁴, begitulah seterusnya.

¹⁴ Ibnor Azli Ibrahim, Wacana ilmiah, *Pengenalan Kepada Rasail an-Nur* (Bangi: Jabatan Syariah, FPI, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010).